

Pas bom jangka penjajah

KUALA LUMPUR, Jumaat - Langkah British memberi kelulusan kepada Pas menamakan dirinya sebagai parti Islam adalah rancangan penjajah meninggalkan bom jangka untuk memecah-belahkan perpaduan Melayu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, niat British yang mengamalkan dasar pecah dan perintah itu ke-

tara apabila pemerintahannya ketika itu meluluskan penubuhan parti Pas yang jelas menentang tuntutan kemerdekaan yang diperjuangkan Umno.

Bagaimanapun, kata Presiden Umno, orang Melayu bernasib baik kerana percubaan British untuk memecahbelahkan mereka dengan mengadakan parti alternatif ketika itu tidak be-

gitu berjaya.

Kesannya, Pas hanya menang satu daripada 52 kerusi yang dipertandingkan pada pilihan raya 1955 dan dengan itu, gagallah rancangan British untuk membuktikan bahawa ramai orang Melayu menolak kemerdekaan.

"Tetapi rancangan penjajah untuk meninggalkan bom jangka di kalangan orang Melayu tetap

berjaya. Parti Islam Se-Malaya terus kekal dalam Malaya dan Malaysia yang merdeka.

"Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan kemudian Kerajaan Malaysia tidak dapat berbuat apa-apa terhadap penyalahgunaan perkataan Islam oleh Pas kerana ianya dibenarkan oleh British dahulu," katanya menyampaikan ucapan dasar di perhim-

punan agung parti itu di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, sejak itu Pas tanpa segan silu memperalatkan agama dan menyalah-tafsirkan ajaran Islam dengan sewenang-wenangnya sehingga pada pilihan raya umum 1959, apabila Pas mendakwa orang Umno kafir, ramai orang Melayu mempercayainya

LIHAT MUKA DUA

Pas bom jangka penjajah

DARI MUKA 1

terutama guru-guru agama pondok yang ditawarkan menjadi calon.

Menurutnya, dengan begitu ramai orang Islam dan tok guru menyokong Pas, penggunaan perkataan Islam kepada parti itu oleh pemimpin Pas sudah tidak boleh dibatalkan lagi.

"Jika percubaan dibuat untuk membatalkan kelulusan yang diperolehi daripada penjajah, Pas akan menjadikan

perkara ini isu politik yang besar.

"Mereka akan menuduh Umno mengharamkan Islam dan bukan mengharamkan perkataan "Islam" dalam nama parti Pas.

"Melihat peristiwa al-Arqam, tentulah kita tahu bahawa orang Melayu, termasuk yang terpelajar, mudah menerima apa sahaja hujah asalkan dibuat atas nama Islam," katanya.